

**Pengumuman PM Dapat Sambutan Baik Penggiat Seni
Bernama
17 April, 2013**

PUTRAJAYA, 17 April (Bernama) -- Kalangan artis dan penggiat seni tanah air yang memenuhi dewan utama Sri Perdana di sini, bersorak dan bertepuk riang menyambut baik beberapa pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyerlahkan perhatian khusus pemimpin nombor satu terhadap kebajikan mereka.

Pada Majlis Ramah Mesra bersama Ikon dan Persatuan Seni Budaya Tanah Air, Rabu, Perdana Menteri antara lain mengumumkan keputusan kerajaan untuk membangunkan satu model pembiayaan pemilikan rumah buat penggiat seni tanah air di samping pemberian Kad Diskaun 1Malaysia buat mereka.

Pengumuman itu dibuat sejurus selepas Presiden Persatuan Seniman Malaysia, artis yang dikenali ramai dengan nama Zed Zaidi dalam ucapannya di majlis yang dihadiri kira-kira 1,000 tetamu itu, membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan kebajikan para penggiat seni.

Zed Zaidi yang ditemui selepas majlis itu menyuarakan rasa lega kerana berjaya menyampaikan sendiri segala masalah yang dihadapi kalangan artis dan penggiat seni kepada Perdana Menteri.

Menurutnya ia adalah antara perkara-perkara yang diperjuangkan oleh persatuan anak-anak seni dalam negara, dan keprihatinan Perdana Menteri terhadap keperluan mereka, cukup menggembirakannya.

Beliau berkata apa yang diumumkan oleh Najib hari ini seperti model pembiayaan rumah, dana pembangunan seni kreatif, kad diskaun dan sebagainya, sememangnya merupakan sesuatu yang amat diperlukan untuk golongan penggiat seni dalam negara.

Sementara itu Presiden Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan) Freddie Fernandez pula melahirkan rasa terharu dengan perhatian yang diberikan oleh Perdana Menteri terhadap golongan penggiat seni tanah air.

"Kami terharu dan bersyukur kerana dapat perhatian Perdana Menteri dalam semua aspek industri yang perlu ditingkatkan serta dikemas kini, dan saya ucapkan terima kasih kepada beliau atas keprihatinannya," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri merupakan seorang pemimpin yang sangat mengambil perhatian terhadap soal industri seni negara.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=942949>